

# ANUGERAH KECEMERLANGAN PEPERIKSAAN 2025 SUMBANGAN KERAJAAN KELANTAN DARULNAIM

## 1. KELAYAKAN MEMOHON

1.1 Mencapai keputusan seperti berikut:

1.1.1 **SPM 2025** (minimum **9A**)

1.1.2 **STAM 2025** (pangkat **Mumtaz**)

1.1.3 **STPM 2025** (**4A**)

1.2 Anak kelahiran Kelantan yang menduduki peperiksaan di mana-mana pusat peperiksaan di negeri Kelantan dan di luar negeri Kelantan.

1.3 Anak bukan kelahiran Kelantan yang menduduki peperiksaan di mana-mana pusat peperiksaan di negeri Kelantan.

## 2. BORANG PERMOHONAN

2.1 Mula dibuka pada **9 April 2026/ 20 Syawal 1447 (Khamis)** dan sila dapatkan di:

2.1.1 Pejabat Yayasan Islam Kelantan (YIK) – Kaunter Khidmat Pelanggan.

2.1.2 Muat turun dalam fb dan laman sesawang YIK (<https://yik.kelantan.gov.my>).

2.2 Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke pejabat YIK pada jam **9.00 pagi – 3.00 petang** pada hari bekerja (Khamis jam 2.00 petang). Alamat pejabat YIK:

Kompleks Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan,  
Peti Surat 248, Lebuhraya Tunjong – Pasir Mas,  
16010 Kota Bharu,  
Kelantan.

**(Kaunter Khidmat Pelanggan)**

Tel: 09-8648044

2.3 Tarikh akhir penyerahan borang ialah pada **19 April 2026/ 1 Zulkaedah 1447 (Ahad)** pada jam **12.30 tengah hari**.

2.4 Borang yang dikembalikan hendaklah dikepilkan:

2.4.1 Sijil Asal Peperiksaan (ditunjukkan semasa penyerahan borang).

2.4.2 Salinan Sijil Peperiksaan yang disahkan.

2.4.3 Salinan Kad Pengenalan pemohon yang disahkan.

2.4.4 Salinan Kad Pengenalan ibu/bapa yang disahkan.

2.4.5 Salinan Surat Beranak ibu/bapa bagi pemohon luar Kelantan yang disahkan.

## 3. “ANAK KELAHIRAN KELANTAN” – KELANTAN LAND ENACTMENT NO. 26 – 1938.

“Anak Kelahiran Kelantan” bermaksud seseorang yang berada dalam salah satu daripada pengelasan-pengelasan di bawah:

3.1 Sesiapa sahaja yang lahir di Kelantan di mana bapanya adalah seorang Melayu.

3.2 Sesiapa sahaja yang lahir di Kelantan di mana ibunya seorang Melayu dan bapanya seorang Islam.

3.3 Sesiapa sahaja walaupun di mana ia dilahirkan yang bapanya lahir di Kelantan.

3.4 Sesiapa sahaja walaupun di mana ia dilahirkan di mana kedua-dua ibu dan bapanya adalah berbangsa Melayu dan tinggal bermastautin di Kelantan untuk sekurang-kurangnya selama 15 tahun.

3.5 Sesiapa sahaja yang lahir di Kelantan di mana bapanya juga dilahirkan di Kelantan.